

01 AUG 2000

PETRONAS-TAWARAN/I

PETRONAS DITAWAR BANGUNKAN MEDAN MINYAK DAN GAS DI BANGLADESH

Oleh: Mikhail Raj Abdullah and Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Petronas telah ditawarkan untuk membangunkan sebuah medan minyak dan gas di Bangladesh, Perdana Menteri Bangladesh yang sedang melawat ke sini Sheikh Hasina berkata hari ini.

Beliau memberitahu Bernama di dalam satu wawancara di suitenya di Hotel Istana di sini hari ini bahawa perbadanan minyak negara itu memenangi tender untuk membangunkan medan itu yang dikenali sebagai Blok 11 melalui satu sistem tawaran terbuka.

Bagaimanapun, beliau mempelawa Petronas untuk melabur di Bangladesh di dalam cara yang lebih besar lagi di dalam kedua-dua sistem hulu dan hiliran.

Bagi sektor hiliran, beliau berkata Petronas boleh melabur di dalam industri petrokimia.

Sebelum itu, beliau telah melawat Menara Berkembar Petronas dan juga telah mengadakan perbincangan singkat dengan pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Ditanya mengenai perbincangan beliau dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Sheikh Hasina menggesa syarikat-syarikat Malaysia supaya menempatkan semula industri-industri berintensif buruh ke Bangladesh.

"Memandangkan Malaysia menceburi teknologi tinggi, adalah lebih baik bagi syarikat-syarikat berintensif buruhnya menempatkan semula operasi mereka ke Bangladesh yang menawarkan kos buruh yang menarik," kata beliau.

Bangladesh telah meminta dipertimbangkan sebagai satu tempat bagi penempatan semula industri-industri berintensif buruh seperti industri tekstil kerana ia akan mengujudkan peluang-peluang pekerjaan di negara itu.

Mengenai negara-negara Islam D8, yang mengadakan sidang kemuncaknya di Bangladesh tahun lalu, beliau berkata kumpulan itu berjalan dengan baik.

Katanya Bangladesh menumpukan kepada perkongsian sumber-sumber dan kepakaran mengenai pembangunan luar bandar dengan negara-negara Islam lain di dalam kumpulan itu.

Malaysia dipilih untuk menumpukan kepada pembangunan sektor perbankan dan kewangan terutamanya insurans semula secara Islam.

-- BERNAMA

MR/AU OS MA